



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : FIQH MUAMALAT
KOD KURSUS : DPI 3193
PEPERIKSAAN : MEI 2017
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (60 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 7 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

Bahagian A

Bahagian ini mengandungi **SEMBILAN (9) soalan**. Jawab semua soalan di dalam kertas jawapan.

1. Islam merupakan agama yang menyusun cara hidup yang meliputi aspek ibadah, muamalat, siasah, sosial dan ekonomi. Bincangkan **TIGA (3)** aspek berkaitan muamalat.
(6 markah)

2. Syariah bermaksud "cara yang mengarahkan kehidupan manusia ke jalan yang betul". Huraikan **DUA (2)** sumber utama Syariah.
(4 markah)

3. "*Fiqh Muamalat*" adalah istilah gabungan antara dua sudut ilmu iaitu "*fiqh*" dan "*muamalat*". Bincangkan kedua-dua aspek tersebut.
(4 markah)

4. Akad atau kontrak terbahagi kepada akad yang *sahih* dan akad yang *fasid*. Bezakan antara kedua-dua akad tersebut.
(4 markah)

5. Istilah *gharar* merujuk kepada ketidakpastian yang memberi kesan kepada kesahihan sesuatu kontrak. Nyatakan pengertian *gharar* dan bincangkan jenis-jenis *gharar*.
(6 markah)

6. Jelaskan rukun dan syarat kontrak jual beli menurut konsep Fiqh Muamalat.
(6 markah)

7. Bincangkan istilah berikut beserta contoh pelaksanaannya pada masa kini samada dalam bidang Ekonomi Islam, kewangan Islam, atau Muamalat Islam.

- i. Al-Mudharabah
- ii. Al-Ijarah
- iii. Al-Rahnu
- iv. Al-Istisna'
- v. Al-Salam

(10 markah)

8. Nyatakan hukum beserta hujah bagi permasalahan berikut:

- i. Jual beli yang dilakukan oleh kanak-kanak dan orang gila.

(2 markah)

- ii. Jual beli arak, bangkai dan darah.

(2 markah)

- iii. Jual beli tanpa lafaz ijab dan qabul.

(2 markah)

- iv. Jual beli anak kambing yang masih di dalam kandungan ibunya.

(2 markah)

- v. Jual beli binatang berbisa seperti ular.

(2 markah)

9. "Produk-produk Perbankan Islam merupakan salah satu instrumen dakwah kepada golongan *non-muslim*"

Huraikan **LIMA (5)** hujah anda mengenai pernyataan di atas.

(10 markah)

[60 markah]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3) soalan**. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

Soalan 1

Berbagai-bagi pelan pelaburan emas diperkenalkan di Malaysia. Bagi memastikan pelaksanaannya patuh syariah ianya perlu menepati prinsip dan hukum Islam.

Berdasarkan kenyataan di atas:

- a) Nyatakan hukum pelaburan emas beserta hujah anda. (2 markah)

- b) Berikan **DUA (2)** institusi kewangan yang menawarkan pelaburan emas di Malaysia beserta cara pelaksanaannya secara ringkas. (4 markah)

- c) Emas merupakan salah satu barang ribawi menurut ulama fiqh muamalat. Bincangkan **DUA (2)** syarat yang perlu dipatuhi ketika menjalankan aktiviti pelaburan emas bagi mengelakkan berlakunya riba. (4 markah)

- d) Pelaburan emas merupakan salah satu pelaburan bijak dalam merancang kewangan. Bincangkan **LIMA (5)** kepentingan pelaburan emas terhadap perancangan kewangan seseorang individu. (10 markah)

Soalan 2

"Takaful merupakan insurans Islam"

Berdasarkan kenyataan di atas:

- a) Nyatakan hukum mengambil *takaful* beserta hujah anda. (2 markah)

- b) Bincangkan **EMPAT (4)** jenis-jenis kontrak atau konsep-konsep dalam Muamalat Islam yang digunakan dalam *takaful*. (8 markah)

- c) Menurut pandangan anda, mengapakah seseorang individu harus mempunyai pelan perlindungan diri seperti *takaful* di masa kini. Jelaskan **LIMA (5)** pandangan anda mengenai keharusan tersebut. (10 markah)

Soalan 3

"Wakalah adalah penyerahan suatu tugas kepada orang lain yang tidak dapat dilakukan sendiri oleh orang yang mewakilkan.

Berdasarkan kenyataan di atas:

- a) Nyatakan pengertian *wakalah*.
(2 markah)
- b) Bincangkan **EMPAT (4)** contoh aplikasi konsep *wakalah* yang digunakan dalam kontrak-kontrak kewangan Islam di Malaysia masa kini?
(8 markah)
- c) Bincangkan **LIMA (5)** faktor yang menamatkan sesebuah kontrak *wakalah*.
(10 markah)

[40 markah]**KERTAS SOALAN TAMAT**